

06 SEP 1998

Pemuda - Zahid

BEBERAPA LAGI EXCO PEMUDA KECEWA TINDAKAN ZAHID

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Tiga lagi anggota Exco Pemuda Umno hari ini menyatakan rasa kecewa terhadap ketua pergerakan itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang dilaporkan menyokong gerakan reformasi yang dilaungkan oleh bekas Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketiga-tiga anggota Exco itu Zulkifli Alwi, yang juga Setiausaha Pemuda Barisan Nasional (BN), Zein Isma Ismail dan Mohd Supardi Md Noor turut menyokong kenyataan beberapa ketua Pemuda negeri yang kecewa kerana Zahid belum memanggil mesyuarat Exco pergerakan itu untuk menetapkan pendirian Pemuda Umno berhubung pemecatan Anwar dari Kabinet dan parti.

"Kami kecewa dengan pembabitan Zahid, yang juga Pengerusi Pemuda BN dengan gerakan reformasi itu, walaupun beliau telah menyatakan pendirian mewakili Pemuda BN untuk taat kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah politik dan ekonomi negara," kata Zulkifli pada persidangan berita yang turut dihadiri Zein Isma dan Supardi.

Tiga anggota Exco itu menggesa Zahid meletak jawatan dan keluar dari parti sekiranya mahu membabitkan diri dalam gerakan reformasi itu.

Mereka juga meminta Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang Dr Rahim Ghouse dan Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan Ruslan Kassim menyatakan pendirian mereka setelah dilaporkan turut berada bersama-sama Zahid serta para penyokong Anwar.

Zein Isma pula berkata tindakan Zahid untuk terus menyokong Anwar menimbulkan tanda tanya kerana beliau turut menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, yang sebulat suara membuat keputusan memecat Anwar daripada parti.

Menjawab soalan, beliau bagaimanapun berkata soal perpecahan dalam pergerakan itu tidak timbul.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Kelantan, Zaiyadi Awang Noh berkata Pemuda Umno negeri menghormati keputusan MT memecat Anwar.

"Kami berdiri teguh dan menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan demi memastikan kestabilan parti, bagi menghadapi pilihan raya akan datang," kata Zaiyadi, yang juga anggota Exco Pemuda Umno, dalam satu kenyataan.

Katanya, pendirian itu diputuskan dalam perjumpaan Ketua-ketua Pemuda Umno Bahagian Kelantan selepas mereka menghadiri taklimat Umno Kelantan dengan Dr Mahathir di ibu negara semalam.

-- BERNAMA

RZS RI